

Headline	KP Frim terima anugerah penyelidikan Rotary		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	39	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	203 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,117
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,350



KP Frim terima anugerah penyelidikan Rotary

YAYASAN Penyelidikan Rotary, Kelab Rotary DiRaja Kuala Lumpur memilih Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abd Latif Mohmod sebagai penerima Anugerah Pingat Emas Penyelidikan Rotary bagi menghargai sumbangan cemerlang beliau dalam bidang sains perhutanan.

Anugerah ini disampaikan Penaung DiRaja Kelab Rotary Diraja Kuala Lumpur, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada majlis penganugerahan Yayasan Amal Rotary di Hotel Istana, baru-baru ini.

Yayasan Penyelidikan Rotary Kelab Rotary DiRaja Kuala Lumpur, ditubuhkan pada 1982 untuk mempromosi dan mengiktiraf usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berfaedah di negara ini, khususnya dalam lapangan kesenian, kebudayaan, sains, perubatan, kejuruteraan, pertanian, teknologi dan sains sosial yang dijalankan dalam tempoh 15 tahun lalu.

Pencapaian Abd Latif adalah bukti kepakaran dan visi ke arah kecemerlangan sektor perhutanan di Malaysia.

Beliau mula berkhidmat di Frim sebagai Pegawai Penyelidik pada 28 Mac 1985 dan dilantik Timbalan KP (Operasi) pada 2005 sebelum mengambil alih pucuk pimpinan

Nama: Abd Latif Mohmod

jawatan disandang: Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

Pencapaian:

- Anugerah Sainis Muda Negara (1993)
- Anugerah Pencapaian Sains Kesatuan Pertubuhan Penyelidikan Hutan Antarabangsa (1995)
- Anugerah Perekacipta Negara (1997)
- *The Outstanding Young Malaysian Award* (1999)
- The Best Manager of The Year 2011
- Anugerah Pingat Emas Penyelidikan Rotary 2012



sebagai KP pada April 2008.

Bakat, kreativiti dan dedikasi beliau sepanjang berkhidmat selama 26 tahun di Frim menyumbang ke arah pencapaian cemerlang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C) sektor perhutanan.

Abd Latif juga menjadi saintis bidang perhutanan yang pertama di Malaysia dan Asia, terpilih menjadi Felo Eisenhower sejak anugerah itu diperkenalkan pada 1945.

Beliau juga diberi penghormatan sebagai *The Best Manager of The Year 2011* oleh jawatankuasa penganugerahan Europe Business Assembly bagi Penyelidikan Gunaan dan Pencapaian Sainstifik.

Antara 11 penerima pingat emas lain ialah Prof Emeritus Datuk Dr CP Ramachandran, Datuk Khoo Kah Lin, Prof Datuk Ir Dr Chuah Hean Teik, Prof Dr Fun Hoong Kun, Prof Abdul Latif Ahmad, Prof Dr Ng Soon, Prof Ir Dr Mohd Sapuan Salit, Dr C Devendra dan Dr Tee E Siong.



Sultan Sharafuddin menyampaikan Anugerah Pingat Emas kepada Abd Latif (kanan).